



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (6)
Tarikh : 14 November 2023

Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau / Kunak / Semporna / Lahad Datu

YBhg Datuk/Tuan/Puan,

TARIKH CUT-OFF BAGI PENERIMAAN BORANG PENGWUJUDAN/PEMBATALAN /KEMASKINI AKAUN PUKAL DAN PENGELUARAN WPUA/TIKET PENERBANGAN OLEH MALAYSIA AIRLINES BERHAD

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada emel BPOPP, rujukan : BPOPP/SPO (Emel)/2023 (375) bertarikh 11 November 2023 adalah berkaitan.

- Untuk makluman YBhg Datuk/Tuan/Puan, Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan menukar sistem perakaunan yang sedia ada (SAP ECC) ke sistem baharu iaitu SAP S4HANA. Terdapat beberapa aktiviti yang akan terlibat sepanjang tempoh proses penukaran sistem tersebut termasuklah penerimaan borang pengwujudan, pembatalan dan kemaskini akaun pukal.
- Bagi melancarkan proses tersebut, sebarang aktiviti yang melibatkan pengwujudan, pembatalan dan kemaskini akaun pukal hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada 30 November 2023 (Khamis). Sistem baharu MAB SAP 4HANA akan berada di dalam '*blackout period*' bermula 1 Januari 2024 sehingga 14 Januari 2024. Pada tempoh tersebut, Jabatan perlu menggunakan WPUA Bukan Pukal bagi pengeluaran tiket MAB melalui agensi pengembaraan. Pengeluaran WPUA online dan offline boleh diakses semula pada 15 Januari 2024.
- Kerjasama dan perhatian pihak YBhg Datuk/Tuan/Puan dalam mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan'
Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia *Excellent Accounting @ Your Service*
Cawangan Tawau